



# Selaryangku Sayang



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2008

Registration No : AR 4621

Buletin MPS • Bil 2/2011

• PERCUMA



YB William Leong Jee Kin, YB Gan Pei Nie dan Dato' YDP melepaskan ikan ke tasik sambil diperhatikan oleh En. Gunaraj George, Ahli Majlis Zon ini.

## Cipta Ruang Aktiviti Sihat Untuk Masyarakat

MPS akan mempertingkat dan memantapkan usaha membangunkan kawasan lapang yang sedia ada sebagai ruang untuk orang ramai mengadakan aktiviti rekreasi dan mengamalkan gaya hidup sihat. Dato' YDP menyatakan demikian dalam Majlis Perasmian Tasik Bandar Country Homes (TBCH Rawang) pada 22hb Mei, 2011.

Dalam ucapan perasmianya, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang menyeru penduduk untuk menggunakan segala kemudahan yang diberi dengan sebaik-baiknya. Segala kemudahan yang disediakan adalah untuk keselesaan dan keperluan penduduk khususnya untuk

Lihat muka surat 6

## Selaryang Pandang TASIK BANDAR COUNTRY HOMES

Jika diimbas kembali, Taman Tasik ini telah dibangunkan oleh pemaju taman ini iaitu Tanco Properties Sdn. Bhd. Kawasan ini juga telah diwartakan sebagai kawasan rekreasi untuk pembangunan Bandar Country Homes, Rawang.

Walau bagaimanapun, hasil pemantauan MPS dan En. Gunaraj George, Ahli Majlis Zon ini mendapat ianya telah terbiar dan dalam keadaan kurang kemas. Pada masa itu, kawasan tasik ini masih lagi di bawah tanggungjawab pemaju.

Pada tahun 2010, MPS telah mengambil inisiatif untuk menaiktaraf taman tasik ini dengan mengambil tindakan membersih kawasan dan membaik pulih kemudahan-kemudahan taman. Segala kos untuk pembersihan adalah diambil dari wang cagaran pemaju.

Seterusnya, pada bulan Februari tahun ini, MPS telah mengambil alih pengurusan taman tasik ini sepenuhnya dari pemaju. Selepas pengambilalihan tersebut, MPS telah mengambil beberapa tindakan untuk menaiktaraf lagi kawasan ini.

MPS telah menyediakan taman permainan kanak-kanak bersepadu dan menyediakan 5 bangku taman dengan kos RM19,800. Selain itu kerja-kerja memperbaiki laluan siarkaki dan deck melibatkan kos RM7,500.





# Dari Meja Yang Dipertua

**P**ihak berkuasa tempatan seperti MPS ini adalah sebuah agensi yang menjadi cerminan kepada kerajaan. Dengan kerjasama yang wujud antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Tempatan, satu ikatan yang utuh perlu di teruskan demi menjamin pencapaian perkhidmatan yang cemerlang.

Sepanjang setengah tahun 2011 ini, kita telah mempamerkan prestasi kerja yang baik dan penghasilan output yang terbaik. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan 'role model' dan contoh ikutan, serta dapat memberi pengaruh untuk menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha insan lain di MPS ke arah meningkatkan hasil kerja di masa akan datang.

Kecemerlangan bukanlah suatu standard atau piawai yang terlalu sukar untuk dihasilkan. Ia boleh dicapai, diamal dan dilaksanakan pada setiap kali kita membuat pekerjaan atau khidmat mengikut peraturan, prosedur dan piawaian kerja bagi setiap langkah kerja yang dilakukan.

## • PENASIHAT

Dato' Zainal Abidin bin Aala | [ydp@mps.gov.my](mailto:ydp@mps.gov.my)  
Tn. Hj. Mohd Jaid bin Hj. Ehsan | [jaid@mps.gov.my](mailto:jaid@mps.gov.my)

## • KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad | [zin@mps.gov.my](mailto:zin@mps.gov.my)

## • PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Azhar bin Che Salleh | [azhar\\_salleh@mps.gov.my](mailto:azhar_salleh@mps.gov.my)

## • PENGARANG

Pn. Hajah Jamaliah Ahmad | [jamaliah@mps.gov.my](mailto:jamaliah@mps.gov.my)  
Pn. Nor Masliawaty Asmawar Binti Baharudin | [masliawaty@mps.gov.my](mailto:masliawaty@mps.gov.my)

Tanggungjawab kita di MPS dan sebagai penjawat awam merupakan satu amanah dan oleh itu, kita harus memikul tanggungjawab itu dengan penuh keikhlasan. Tanggungjawab yang dipikul tidak memadaai kalau output yang dihasilkan seperti 'mencurahkan air di daun keladi'. Malah, apa yang dituntut daripada kita semua adalah usaha yang gigih dan komitmen yang berterusan dengan perkhidmatan yang terbaik atau dengan lain perkataan, yang berkualiti tinggi.

Untuk mencapai tahap yang diharapkan, kita perlu mengamal dan meniti beratkan prinsip-prinsip asas bekerja yang mana prinsip ini meliputi ketepatan masa dan ketepatan fakta, sikap lebih teliti dan terperinci melaksanakan tugas, sentiasa menanam dalam diri masing-masing falsafah *do it right the first time* dan *never settle for less than the best* dan yang terakhir, sentiasa cuba melaksanakan sesuatu tugas di tahap yang maksimum melebihi daripada standard yang ditetapkan.

Makanisme kepimpinan perlu ditingkatkan bagi melonjakkan prestasi PBT, dan seterusnya mendapat sokongan rakyat. Keputusan yang dibuat perlulah dengan bijaksana dan berhemah, 354 indikator sistem penilaian 'star rating' perlu dijadikan asas kepada panduan untuk meningkatkan prestasi PBT

Saya meletakkan kepercayaan yang penuh bahawa sesebuah keunggulan dan kegemilangan sesuatu organisasi adalah terletak kepada semangat persepakatan atau 'esprit de corp' yang tinggi yang dijiwai dan dihayati oleh seluruh warga MPS. Apa yang saya ingin tekanan ialah perlunya rasa amanah dalam melakukan kerja lantas kita dapat mengelakkan dari terlibat dengan gejala rasuah.

Ahkir sekali, suka saya ingatkan untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan organisasi, kita semua perlulah sentiasa berusaha membentuk dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang serta dapat membuat penyesuaian (adaptation) bagi menghadapi perubahan-perubahan persekitarannya untuk faedah kita bersama.

Sekian, terima kasih.

**DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA**

D.P.M.S., KMN., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.J.C.,  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

## • JURUGAMBAR

Cik Anissapiah Binti Mohd Dan | [anis@mps.gov.my](mailto:anis@mps.gov.my)

## • DITERBITKAN

Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Korporat,

Majlis Perbandaran Selayang.

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

## • REKA BENTUK & CETAKAN

Gemilang Press Sdn. Bhd.  
[www.gemilangpress.com](http://www.gemilangpress.com)



## Program Wacana Ekonomi – Visi Perumahan Rakyat

**“ Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pencapaian ekonomi negeri adalah bertujuan untuk memberi kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat.**

**- Dato' Seri Anwar Ibrahim**



Visi Perumahan Rakyat adalah merupakan topik untuk Program Wacana Ekonomi yang telah diadakan pada 1hb Jun 2011 di Lobi Menara MPS. YB Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Penasihat Ekonomi Negeri Selangor telah merasmikan program tersebut.

Dalam ucapannya beliau menjelaskan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan pencapaian ekonomi negeri adalah bertujuan untuk memberi kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Program Wacana Ekonomi ini diadakan secara berkala bertujuan untuk memberi penerangan isu-isu terkini berhubung ekonomi oleh pakar-pakar yang berkaitan dengan bidang mereka.

Untuk program ini, Brig. Gen. (R) Datuk Goh Seng Toh, Timbalan Presiden Persatuan Pembeli Rumah Malaysia dan Chang Kim Loong, Setiausaha Kehormat Persatuan Pembeli Rumah Malaysia telah membentangkran taklimat dengan tajuk Visi Perumahan Rakyat.

Program ini telah diadakan serentak dengan Majlis Perhimpunan Bulanan MPS. Dalam ucapannya Dato' YDP

menyeru kakitangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian sejajar dengan kehendak kerajaan negeri. Perkhidmatan sekarang perlu lebih proaktif dan responsif dengan kehendak rakyat untuk meningkatkan imej jabatan dan perkhidmatan awam.

Selain kakitangan, program ini turut dihadiri Exco Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen, ADUN, YDP dan Pegawai Daerah seluruh Negeri Selangor, Ahli-Ahli Majlis MPS, pemimpin masyarakat setempat dan agensi-agensi kerajaan Daerah Gombak.

Program ini adalah anjuran bersama Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dan MPS.

# Program 100 Hari Selesai Masalah Rakyat

Majlis pelancaran Program 100 Hari Sasaran Kerja Tahun Kedua 2011 Ahli Majlis, MPS telah dilakukan oleh YB Tuan Amirudin Bin Shari yang mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Acara ini telah diadakan di Lobi, Menara MPS pada 27hb April, 2011 jam 8:30 malam.

Objektif program ialah untuk menangani masalah dan aduan masyarakat dengan lebih cekap, berkesan dan berkualiti. Isu dan masalah telah diperolehi dari maklumbalas penduduk hasil program turun padan Ahli Majlis. Ianya juga turut mengambil kira keupayaan MPS untuk melaksana dari segi sumber kewangan,

manusia, masa dan peralatan.

Isu dan masalah yang diberi keutamaan ialah penyelenggaraan infra, lanskap, alam sekitar dan pembangunan setempat. Senarai masalah yang dikumpul oleh Ahli Majlis telah diserahkan kepada Dato' YDP untuk dibincang dan diambil tindakan oleh pengurusan dalam tempuh 100 hari.

Turut hadir adalah Ahli-Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk (JKP), Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK), Pengarah-Pengarah Jabatan dan Kakitangan.



## Seminar Pemerkasaan Usahawan Selangor 2011



MPS dan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak dengan kerjasama Unit Perancangan Ekonomi Selangor telah menganjurkan Seminar Pemerkasaan Usahawan Negeri Selangor 2011 pada 16hb Jun 2011 bertempat di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak.

Objektif seminar ini ialah mendedahkan peniaga dan usahawan mendalam i ilmu-ilmu perniagaan yang berkesan dan juga cara-cara pemasaran yang terkini seperti penggunaan laman web. Seminar yang terbuka kepada semua ini disertai oleh peniaga, usahawan dan juga lepasan universiti.

Pengisian seminar ini melibatkan sesi pagi dimulakan dengan ceramah usahawan yang menerangkan teknik-teknik perniagaan yang berkesan, kemudian disambung dengan teknik pemasaran menggunakan laman web. Manakala sesi petang dimulakan dengan penerangan ringkas daripada wakil-wakil agensi pinjaman

kredit seperti BSN, Agro Bank, Mimbar, Skim Sel, Amanah Ikhtiar Malaysia dan SME Bank.

Selepas sesi taklimat ringkas tersebut, sesi dialog dijalankan antara peserta seminar dan panel-panel yang terdiri daripada agensi-agensi pinjaman kredit dan wakil oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).

YB Tuan Amiruddin Shari, ADUN Batu Caves telah hadir dan menyampaikan ucapan perasmian penutupan dan menyampaikan sijil kehadiran kepada 400 peserta.



# Karnival Mesra Rakyat MPS


Program Karnival Mesra Rakyat telah diadakan di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak pada 23hb April 2011.

Program ini adalah sebahagian dari Program Mesra Rakyat yang merupakan program Bulanan Hari Bertemu Pelanggan. Melalui program ini orang ramai berpeluang untuk bertemu Dato' YDP dan Pengarah Jabatan untuk menyampaikan aduan, saran dan masalah ke arah mempertingkatkan mutu dan sistem penyampaian perkhidmatan MPS kepada masyarakat.

Semua jabatan telah mengambil bahagian dalam Karnival Mesra Rakyat ini. Turut hadir dalam program tersebut Dato' YDP, Timbalan YDP dan Pengarah-Pengarah Jabatan.

Seramai 33 pelanggan telah menyampaikan aduan dan masalah serta saran dan diselesaikan pada hari tersebut.

Ruang pameran juga turut diadakan dan disertai oleh pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah, TM, Celcom, Maxis, KOMAS, Program Kitar Semula dan Perubatan Akrine.



## Lawatan Panel Zon Bersih

Panel Pertandingan Zon Bersih telah melawat MPS pada 21hb Jun 2011. Tujuan lawatan adalah untuk menilai tahap kebersihan persekitran, penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan awam dan kerjasama komuniti.

Kawasan Fasa 2 Taman Seri Gombak telah dipilih sebagai Zon Bersih untuk tahun 2011. Untuk mencapai piawaian yang telah ditetapkan, beberapa langkah telah diambil untuk memenuhi keperluan penduduk dan orang ramai.

Dato' YDP MPS telah memberi taklimat organisasi dan aktiviti Zon Bersih. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Tuan Abdul Rahim Kasdi, Ahli Majlis Zon 9, pengarah-pengarah jabatan, pegawai dan kakitangan jabatan yang berkaitan.

Antara tempat yang dilawati panel ialah Dewan Komuniti Fasa 2, Taman Seri Gombak, Pasar Modern, tandas awam dan premis perniagaan di sekitar Fasa 2 Taman Seri Gombak.



Sambungan dari muka depan



"Ianya sangat bertepatan dengan slogan MPS "Selayangku Sayang". Rasa sayang dan tanggungjawab perlu ada di setiap hati warga MPS dan merasakan bahawa setiap kemudahan awam adalah merupakan harta bersama yang perlu dijaga dan dilindungi dari sebarang gejala vandalisme,"

"Saya amat berharap para penduduk khususnya melalui Jawatankuasa Penduduk akan menggunakan kawasan ini untuk pelbagai aktiviti riadah dan kemasyarakatan yang bertujuan untuk meningkatkan mutu kesihatan, semangat

perpaduan dan kejiranan," kata YB William. Dato' YDP dalam ucapannya menyatakan bahawa MPS telah memanjangkan permohonan untuk menaik taraf tasik ini dengan kos melibatkan RM500,000 kepada Jabatan Lanskap Negara. Jika diluluskan projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun depan.

Majlis pelancaran telah dimulakan dengan acara senamrobik yang disertai oleh penduduk sekitar. Selain itu, beberapa buah tadika juga turut membuat persembahan masing-masing.






Upacara pelancaran majlis ialah acara melepaskan sebanyak 150 ekor ikan air tawar ke dalam tasik. Selepas itu, acara menanam sebanyak 250 pokok bunga raya di sekitar tasik.

Jawatankuasa Penduduk turut melibatkan diri dengan mengadakan pelbagai acara sukaneka selepas majlis pelancaran tersebut dengan menyediakan pelbagai hadiah yang menarik.



Selaras dengan amalan Local Agenda 21, program ini telah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, agensi swasta dan orang awam. Untuk menjayakan program ini, beberapa syarikat pemaju perumahan di sekitar tasik ini telah memberikan kerjasama iaitu, Tanco Properties Sdn Bhd., Euthanis Land Sdn. Bhd. dan Desa Mahumas Sdn. Bhd.

Seramai lebih kurang 400 orang telah hadir dan memeriahkan majlis perasmian pada hari tersebut.



## Selamat Bertugas

BIL	TARIKH LANTIKAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH LANTIKAN
1	1 April 2011	Noor Rosyati Binti Sumali	Pem. Tadbir N17 Jab. Perbendaharaan
2	1 April 2011	Musfirah Binti Zulkarnain	Pem. Tadbir N17 Jab. P'Khidmatan Bandar
3	1 April 2011	Mohamad Aziz Bin Mustapa	Pem. Tadbir N17 Jab. Belia & Sukan
4	1 April 2011	Haslinda binti Md. Zan	Pem. Tadbir N17 Bahagian Audit Dalam
5	1 April 2011	Wan Azamimi Binti Wan Abdullah	Pem. Tadbir N17 Jab. Perhubungan Awam & Perancangan korporat
6	1 April 2011	Fara'in Binti Yahya	Pem. Tadbir N17 Jab. Khidmat Pengurusan
7	8 April 2011	Hayati Binti Wahid	Pem. Tabbir N17 Jab. P'Khidmatan Bandar
8	18 April 2011	Mohd Shah Azlan Bin Shahriman	Pen. Peg. Penilaian W27 Jab. Penilaian
9	18 April 2011	Mohamad Radzi Bin Abdul Hamid	Pemandu Kenderaan R3
10	18 April 2011	Khairil Azhar Bin Ahmad Sha'ari	Pem. Penilaian W17 Jab. Penilaian
11	18 April 2011	Nur Hisyamudin Bin Sulaiman	Pem. Penilaian W17 Jab. Penilaian
12	18 April 2011	Mohd Ashraf Bin Sahardi	Pem. Penilaian W17 Jab. Penilaian
13	18 April 2011	Muhammad Fuad Bin Puasa	Pem. Penilaian W17 Jab. Penilaian
14	18 April 2011	Mohammad Azri Bin Abd. Khalil	Juruteknik Komputer FT 17
15	18 April 2011	Abdul Azim Bin Abd. Jamil	Juruteknik Komputer FT 17
16	18 April 2011	Muhammad Jooraimee bin Awang Raimee	Pegawai Tadbir N41 Unit Urusetia
17	22 April 2011	Aniza Bin Musa Penjaga	Jentera Elektrik R17
18	22 April 2011	Shahizatul Halim Bin Sa'ari	Pemandu Kenderaan R3 Jab. Pengurusan Harta
19	25 April 2011	Nadiatul Sofiah Binti Mohd Izham	Pen. Peg. Penilaian W27 Jab. Penilaian
20	16 Mei 2011	Nurul Asyikin Binti Dzulkifli	Pen. Peg. Penilaian W27 Jab. Penilaian
21	20 Mei 2011	Saiful Azmi Bin Samad	Peg. Undang-Undang L41 Bhg. Perundangan
22	16 Jun 2011	Mohd. Suffian Bin Mohd Yusof	Pem. Tadbir N17 Jab. Penilaian & Pengurusan Harta

## OPS Buah

Operasi ke atas pusat urutan refleksologi telah diadakan di Bandar Baru Rawang pada 30 Jun 2011. Operasi yang dinamakan sebagai Ops Buah telah diketuai oleh Dato' YDP telah turut disertai Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia di samping Jabatan Penguatkuasa MPS dan Jabatan Pelesenan MPS sebagai penyelaras operasi.

Dalam serbuan bermula jam 3 petang, sebanyak 17 kompaun telah dikeluarkan ke atas 5 premis terbabit atas kesalahan termasuk memasang meter air tanpa kebenaran, tidak mempunyai lesen perniagaan, mengubah suai bangunan dan memasang iklan tanpa kebenaran.

Jabatan Imigeresen pula telah menahan seramai tiga pekerja warga China kerana menyalah guna pas lawatan sosial.

Dalam operasi tersebut, kesemua lima premis yang dilawati didapati mempunyai lesen perniagaan kecuali satu premis yang baru beroperasi selama tiga minggu.



# Pensijilan Semula ISO

MPS berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 setelah pasukan Audit ISO SIRIM melaksanakan Audit Pensijilan Semula pada 30 - 31 Mei 2011. Hasil pengauditan tersebut tiada Ketidakpatuhan (NCR) dilaporkan.

Sebelum itu, pelaksanaan Audit Dalaman telah diadakan pada 18 - 29hb. April 2011. Sebanyak 31 skop prosedur kerja telah didokumentasikan. Skop tersebut merangkumi hampir keseluruhan jabatan di MPS.

En. Mohamad Zin bin Masoad selaku Wakil Pengurusan menyasarkan untuk mendokumenkan sebanyak 6 skop kerja beberapa jabatan di MPS. Selain itu, dokumen ISO ini akan dilaksanakan secara online sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat terkini dan untuk kemudahan kakitangan di MPS.



# Bengkel KIK

Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan pada 6hb - 7hb April 2011, bertempat di Dewan Keraian, Tingkat 8 Menara MPS.

YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Aala, YDP MPS telah merasmikan bengkel tersebut. Beliau berharap amalan KIK akan dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan MPS.

Para peserta didedahkan kepada Produktiviti & Q di MPS, Penilaian sebelum, Alat & Tenik Asas QC, Brainstorming Perancangan Projek & Masalah sehingga cadangan Penyelesaian, Penilaian Selepas dan Persembahan Projek (Showcase / Konvensyen).

Fasilitator bagi bengkel ini ialah Tn. Zulkifli Bin Hamzah merangkap Ahli Majlis, MPS.



# Bengkel Fail Meja

Bagi tujuan meningkatkan lagi pemahaman kakitangan berkaitan Fail Meja, satu bengkel fail meja bagi kakitangan MPS telah diadakan pada 13hb Jun 2011.

MPS telah menjemput Puan Sarengah bt. Md. Sam, Pegawai Projek Kanan, INTAN sebagai fasilitator bengkel tersebut. Bengkel tersebut telah berjaya memberikan panduan kepada kakitangan dalam penyediaan fail meja masing-masing mengikut standad yang telah digariskan.

Seramai 64 orang kakitangan termasuk Pengarah Jabatan dan Ketua Kerani telah terlibat dalam bengkel ini.

Selepas bengkel tersebut, semua jabatan akan mengambil tindakan untuk menyeragamkan penyediaan fail meja masing-masing. Tindakan susulan tersebut akan dipantau oleh Ketua Kerani jabatan-jabatan.



# Majlis Dialog di Kuang

Majlis Dialog Bersama Penduduk telah diadakan pada 25hb. Jun 2011 di Dewan JKKK, Kg. Damai Kuang.

Majlis yang berlangsung selama dua jam ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Aala, YDP MPS, Y.B William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Tuan Abdul Majid bin Hasan, Tuan Zaidi bin Abdul Talib dan Tuan Abdul Rahim bin Wahab selaku Ahli Majlis Zon 20. Turut hadir sama ialah pengarah jabatan MPS, para pegawai dan Ketua-Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK di DUN Kuang.

Antara masalah yang dibangkitkan oleh penduduk ialah berkaitan infrastruktur, isu alam sekitar, bil cukai pintu dan kesihatan.

Majlis dialog tersebut dianjurkan oleh Ahli Majlis Zon 20, JKKK Kg. Damai Kuang dengan kerjasama Pejabat Y.B Ahli Parlimen Selayang.



## Majlis Dialog di Selayang Height



Dipertua MPS, Tuan Husnal Az'hari Sanusi, Ahli Majlis Zon 1, para Pengarah Jabatan dan wakil SYABAS.

Majlis ini diadakan adalah bertujuan untuk memudahkan para penduduk menyalurkan permasalahan dan aduan yang ingin dibangkitkan untuk tindakan pihak MPS. Selain itu, majlis ini juga dapat mengeratkan hubungan antara penduduk dan juga pihak berkuasa tempatan.

Sebanyak 24 aduan telah diterima ketika majlis dialog ini berlangsung dan segala tindakan telah dirangka bagi mengenal pasti jalan penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan oleh penduduk.

**“ Majlis ini juga dapat mengeratkan hubungan antara penduduk dan juga pihak berkuasa tempatan ”**

Majlis Dialog ini diadakan pada 22hb. April 2011 bermula 8.30 malam sehingga 11.00 malam di Apartment Jelutong, Selayang Height, Bandar Baru Selayang. Antara tetamu yang hadir dalam majlis dialog ini ialah Y.B Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Tuan Mohd Jaid bin Hj. Ehsan, Timbalan Yang



## Makan Malam DUN Batu Caves Bersama Kakitangan Kerajaan

Pejabat DUN Batu Caves telah mengadakan Majlis Makan Malam bersama Kakitangan Kerajaan Daerah Gombak pada 8hb. April 2011. Majlis ini telah diadakan di TIC, Batu Caves yang dihadiri oleh YB Tuan Yaacob bin Sapari EXCO Negeri Selangor yang mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Majlis ini turut di hadiri oleh Y.B Amiruddin bin Shari selaku Adun Batu Caves, Ahli-Ahli Majlis MPS, Dato' YDP MPS, Tuan Pegawai Daerah Gombak, wakil-wakil Ketua Jabatan Daerah Gombak, Para Pengarah Jabatan MPS, pegawai dan kakitangan, Penghulu, Ketua Kampung, PeBT dan kakitangan Pejabat Tanah Daerah Gombak.

Majlis ini diadakan adalah bertujuan menghargai segala jasa kakitangan kerajaan yang telah berusaha meningkatkan produktiviti dan menjaga kerjasama baik dengan masyarakat.

**Majlis ini diadakan adalah bertujuan menghargai segala jasa kakitangan kerajaan ...**



## Penyerahan Kunci Selasih Indah

Majlis penyerahan kunci kepada pemilik Apartment Selasih Indah, Gombak telah diadakan pada 10hb. Jun 2011. YB Dato' Dr. Hassan bin Mohamad Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam merangkap Adun Gombak Setia telah hadir dan menyampaikan kunci kepada para pembeli.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh Dato' YDP, Puan Maznah bt. Abdul Aziz selaku Ahli Majlis kawasan, Pihak Pemaju dan juga para pembeli. Seramai 80 orang pembeli telah menerima kunci Apartment masing-masing dari pihak Pemaju iaitu Panji Selasih Sdn. Bhd. Dalam majlis tersebut juga, semua tetamu jemputan dibawa melawat apartment yang bakal diduduki oleh pembeli.

APARTMENT SELASIH INDAH



# Selangor Mountain Bike Challenge 2011

MPS dan Jawatankuasa Penduduk Zon 21 telah bekerjasama menganjurkan Selangor Mountain Bike Challenge 2011 yang berlangsung di Kuang, Selangor Darul Ehsan pada 24 April 2011, yang mana telah memasuki edisi ke-3 penganjuran acara basikal lasak ini.

Kejohanan ini berlangsung dengan pengenalan 'venue' baru yang lebih mencabar dan unik seterusnya menjadikan Selangor Mountain Bike Challenge 2011 sebagai acara 'Mountain Bike' yang memberi konsep acara pertandingan untuk semua golongan dan pelbagai peringkat.

Segmen 'cross country' 40 km, yang meliputi katogeri Open, Open Selangor, Team Challenge, Remaja, Veteran dan Wanita. Sebanyak 500 penyertaan dari seluruh negara untuk kejohanan kali ini yang telah mencatatkan penyertaan paling ramai sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2009.



## Futsal Gen-S

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan MPS dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah menganjurkan Kejohanan Futsal Jelajah Selangor Gen-S 2011 pada 23hb. April 2011 di FHMJ Futsal Centre, Taman Seri Gombak.

Sebanyak 48 pasukan terdiri daripada belia-belia setiap Zon JKP di bawah pentadbiran MPS. Beberapa agensi kerajaan juga turut menghantar pasukan termasuk daripada IPD Gombak dan SYABAS.

Pihak pengajar telah menawarkan hadiah wang tunai yang berjumlah RM2,000 berserta hanper dan medal. Pasukan MPS telah dinobatkan sebagai juara dan pasukan Senyum FC (Pebt Zon 15) menjadi naib johan. Kedua-dua pasukan ini akan mewakili MPS ke Kejohanan Futsal Jelajah Selangor Gen-S 2011 pada 28 Mei 2011 di Real Sport Arena, Teluk Pulai, Klang, Selangor.

## Penyerahan Bendera Anak Angkat SUKMA

MPS telah dilantik selaku 'Bapa Angkat' kepada tiga pasukan ke Kejohanan SUKMA iaitu olahraga, golf dan bola baling.

Bersempena itu, satu majlis penyerahan watikah perlantikan program 'Bapa Angkat' dan penyerahan bendera Negeri Selangor kepada Kontjen Negeri Selangor untuk Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) telah diadakan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 30hb. April 2011 di Kem Bina Semangat Yayasan Selangor, Ampang Pecah, Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor.

Majlis tersebut telah turut dihadiri EXCO Kerajaan Negeri Selangor, 'Bapa Angkat' dan para atlit.

